

# PBS beri sokongan padu kepada Abdullah

KOTA KINABALU, 3 Nov - Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini menyatakan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Presidennya, Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata, ketetapan itu dicapai pada mesyuarat pertama Majlis Tertinggi (MT)

PBS selepas mengadakan kongres ke-21 pada September lepas.

"Kami telah membincangkan beberapa perkara tertentu, dan antaranya kami memutuskan untuk menyampaikan secara rasmi sokongan yang sepenuhnya kepada Perdana Menteri sebagai ketua pentadbiran Barisan Nasional

Sokongan ini bukan timbul kerana keadaan persekitaraan sekarang tetapi kami dalam PBS daripada mula lagi memberi sokongan kuat terhadap kepimpinan Pak Lah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat MT PBS di ibu pejabat parti itu di Donggongan, Pe-

nampang, dekat sini.

Pairin yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, banyak program pembangunan yang ditekankan oleh Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah selari dengan perjuangan PBS.

- Bernama